

SOALAN NO. 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah Binti Salleh (Kuantan) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah kos yang dibelanjakan dalam program Desa Bina Diri di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan statistik yang menunjukkan keberkesanan program ini dalam mencapai objektifnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai 4 buah institusi

Desa Bina Diri (DBD) yang memberi jagaan, perlindungan dan pemulihan kepada orang papa agar mereka menjadi produktif dan berkemahiran serta mempunyai sikap yang positif untuk diintegrasikan dalam masyarakat.

Institusi tersebut adalah seperti berikut :

- i) DBD Mersing;
- ii) DBD Jerantut;
- iii) DBD Kota Kinabalu; dan
- iv) Pusat Sehenti Bina Diri Sungai Buloh.

Bagi menguruskan kesemua 4 buah DBD ini, JKM telah membelanjakan sebanyak RM8.4 juta pada tahun 2013.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menyediakan penghuni DBD agar dapat diintegrasikan dalam masyarakat, mereka akan menjalani pemulihan, latihan kerjaya dan kemahiran (vokasional, pertanian, kraf tangan) bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun.

DBD juga mengadakan program “*Job Opportunity*” kepada penghuni-penghuni yang boleh dilatih bagi menyesuaikan penghuni dengan alam pekerjaan. Program ini adalah merupakan inisiatif DBD dengan syarikat-syarikat swasta dan persendirian di kawasan berdekatan institusi untuk menempatkan penghuni di alam pekerjaan sebagai persediaan penghuni untuk diintegrasikan dalam masyarakat.

Sejak tahun 2011 hingga Mac 2014, seramai 437 orang penghuni telah dibebaskan kepada keluarga dan majikan bagi menjalani kehidupan di alam pekerjaan seperti insan lain di dalam masyarakat.

Kesimpulannya, KPWKM sentiasa komited untuk meneruskan usaha membela kesejahteraan sosial kumpulan sasar agar mereka dapat menjalani kehidupan yang berdikari, berintegriti dan bermaruah sebagai sebahagian daripada anggota penting dalam keluarga, komuniti dan masyarakat secara inklusif.